



RANCANGAN KAWASAN KHAS PEMELIHARAAN DAN PENGURUSAN *Setiu Wetland* TERENGGANU

RINGKASAN EKSEKUTIF

Draf Laporan Rancangan Kawasan Khas (RKK)
Kawasan Tanah Bencah Setiu (Setiu Wetland), Terengganu



PLANMalaysia@Terengganu
Perancangan Melangkui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional



Ringkasan Eksekutif



Isi Kandungan

- 01** Pengenalan
- 02** Tujuan & Kepentingan Penyediaan RKK
- 03** Asas Pembentukan RKK
- 04** Hala Tuju Pembangunan RKK
- 05** Profil Kawasan RKK
- 06** Penemuan Utama
- 07** Konsep Pembangunan
- 08** Cadangan Pembahagian Zon
- 09** Cadangan Projek & Program RKK
- 10** Projek dan Program *Flagship* RKK
- 11** Cadangan Pengurusan dan Pentadbiran
- 12** Rumusan



PENGENALAN

Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pemeliharaan dan Pengurusan Kawasan Tanah Bencah Setiu (Setiu Wetland), Terengganu ini merupakan sebuah pelan panduan pembangunan yang disediakan khusus bagi memudahkan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan penduduk sekitar membangun, memelihara dan menguruskan Tanah Bencah Setiu sehingga tahun 2035.



DEFINISI RKK



Rancangan terperinci bercorak tempatan disediakan untuk **kawasan yang mempunyai kepentingan khusus kepada PBPT** dalam tempoh singkat.

Membolehkan PBPT menyegerakan tindakan perancangan sesebuah kawasan bagi tujuan pemajuan, pembangunan semula, naik taraf, memelihara atau bagi pengurusan kawasan.



Pelan Tindakan Pembangunan yang disediakan dalam bentuk Pelan Susunatur atau Pelan Pengurusan yang disokong oleh Spesifikasi Pembangunan Terperinci dan Jadual Tindakan Pembangunan yang mengandungi fasa, kos, agensi pelaksana dan pendekatan pelaksanaan.



PENETAPAN RKK DALAM HIERARKI RANCANGAN PEMAJUAN

1 RFN

Rancangan Fizikal Negara



2 RSN

Rancangan Struktur Negeri




3 RTD

Rancangan Tempatan Daerah



4 RKK

Rancangan Kawasan Khas





TUJUAN & KEPENTINGAN PENYEDIAAN RKK

TUJUAN PENYEDIAAN

- ✓ Sebagai *blueprint* serta rujukan utama untuk menyelaras, mengawal dan memantau semua pembangunan di dalam kawasan Tanah Bengah Setiu dan dalam sempadan RKK yang ditetapkan.
- ✓ Rujukan agensi-agensi seperti Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi-agensi teknikal, penyelidik, IPTA atau IPTS, pihak-pihak swasta, NGO dan komuniti setempat.
- ✓ Rujukan kepada Majlis Pengurusan Taman Negeri (MPTN) dan Jawatankuasa Taman Negeri Setiu Wetland.



KEPENTINGAN PENYEDIAAN

 Memelihara keunikan ekosistem semula jadi Tanah Bengah Setiu yang merupakan satu-satunya kawasan di Malaysia yang memiliki sembilan ekosistem yang berbeza dan saling melengkap antara satu sama lain serta mempunyai fungsi yang pelbagai dalam menyokong alam sekitar dan budaya hidup penduduk tempatan.

 Meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan ekosistem Tanah Bengah Setiu dan memastikan penduduk tempatan terlibat dalam pemeliharaan dan pengurusan Tanah Bengah Setiu.

 Membangunkan secara mampan keunikan dan potensi pelancongan berdasarkan eko dan budaya di Tanah Bengah Setiu untuk menarik kemasukan pelancong dan meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

 Menjayakan wawasan Kerajaan Negeri Terengganu untuk menjadikan Tanah Bengah Setiu sebagai Taman Negeri dan menyediakan keperluan perancangan untuk mengangkat dan mengiktiraf Tanah Bengah Setiu ke peringkat nasional dan antarabangsa.




 Menyediakan kawalan perancangan bagi mengatasi isu tekanan pembangunan di Tanah Bengah Setiu yang kini mengalami perubahan guna tanah bagi tujuan pembangunan dan pembukaan aktiviti pertanian sehingga mengurangkan kawasan tanah lembap yang menyokong dan membantu persekitaran setempat.



ASAS PEMBENTUKAN RKK

Rujukan terhadap peruntukan dan dasar-dasar di peringkat nasional, negeri dan daerah dijalankan bagi mengenal pasti perancangan yang telah disediakan dan mempunyai perkaitan dengan kawasan RKK. Antara dasar dan dokumen yang dirujuk dalam pembentukan RKK ini adalah seperti berikut:

- | | | | |
|----------|---|-----------|--|
| 1 | Rancangan Malaysia Ke-11 | 8 | Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara |
| 2 | Matlamat Pembangunan Mampan | 9 | Agenda Tempatan 21 |
| 3 | Rancangan Fizikal Negara Ke-3 | 10 | Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2020 |
| 4 | Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara | 11 | Rancangan Tempatan Daerah Setiu 2003 – 2015
dan Rancangan Tempatan Daerah Setiu
(Pengubahan) 2015 – 2020 |
| 5 | Dasar Kepelbagaian Biologi Negara 2016 - 2025 | 12 | Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) 2030 |
| 6 | Pelan Ekopelancongan Negara 2016 – 2025 | 13 | Dokumen Peruntukan Akta dan Undang-undang
serta Piawaian dan Garis Panduan Perancangan |
| 7 | Dasar Pelancongan Negara | | |





HALA TUJU PEMBANGUNAN RKK

MATLAMAT



“Menguruskan Tanah Bengah Setiu Sebagai Aset Alam Sekitar Terunggul Negeri dan Negara Secara Lestari Bagi Memelihara Biodiversiti, Ekosistem dan Kesejahteraan Masyarakat”

OBJEKTIF



Memperkuatkan pengurusan dan kaedah pemantauan Tanah Bengah Setiu.




Tasik Berombak



Setiu Boardwalk



Laguna Tanah Bengah Setiu




Meningkatkan keterlibatan (inclusivity) penduduk setempat dalam pengurusan dan pelaksanaan program.



Tanah Bengah Setiu



Pantai Rhu Sepuluh




Melindungi Tanah Bengah Setiu sebagai kawasan Taman Negeri.



Pantai Mangkok



Pantai Penarik




Meningkatkan ekonomi Kerajaan Negeri dan penduduk setempat secara mampan.



Terrapuri Heritage Village, Kg. Mangkok

PROFIL KAWASAN RKK



Pelan Lokasi RKK Pemeliharaan dan Pengurusan Kawasan Tanah Bengah Setiu (Setiu Wetland)



LOKASI & KELUASAN KAWASAN RKK



LOKASI

- Daerah Setiu bersempadan Daerah Besut, Hulu Terengganu dan Kuala Terengganu.
- Kawasan RKK terletak di utara Daerah Setiu.
- Merangkumi 4 Mukim : Pantai, Guntong, Tasik dan Chalok.



KELUASAN

- 47,376.89 hektar
- Kawasan Daratan : 25,673.11 hektar
 - Kawasan Persisiran Pantai : 21,703.78 hektar



DEMOGRAFI & SOSIEKONOMI PENDUDUK KAWASAN RKK



JUMLAH PENDUDUK :

2010

14,972 orang



LELAKI / PEREMPUAN

2010

50.75%



49.25%

2017

16,052 orang

2017

51.00%

2017

49.00%



MAJORITI UMUR 2010:

15 – 64 THN:

56.95%

0 – 14 THN : 37.91%

65 – >75 THN : 5.14%
(KUMPULAN UMUR BEKERJA)



MAJORITI ETNIK 2010:

MELAYU

98.94%

CINA, INDIA & LAIN-LAIN :

0.51%

BUKAN WARGANEGARA :

0.55%



MAJORITY PENDIDIKAN 2010:

SEK. MENENGAH

41.76%

TIADA PENDIDIKAN RASMI :

22.63%




SOSIOEKONOMI (BIDANG PEKERJAAN)





GUNA TANAH SEMASA



Guna Tanah Semasa RKK Pemeliharaan dan Pengurusan Kawasan Tanah Bencah Setiu (Setiu Wetland)

Hutan	Pertanian	Tanah Kosong	Badan Air	Pantai	Perumahan	Pengangkutan	Industri	Kawasan Lapang & Rekreasi	Kemudahan Masyarakat	Infrastruktur & Utility	Komersial
41.76%	35.85%	7.47%	4.78%	0.77%	3.41%	2.06%	1.82%	0.83%	0.77%	0.34%	0.14%

BUKAN TEPU BINA (23,266.72 Ha / 90.63%)

TEPU BINA (2,406.39 Ha / 9.37%)



EKOSISTEM TANAH BENCAH SETIU

Tanah Bencah Setiu merupakan kawasan yang sangat unik berbanding dengan kawasan tanah bencah di tempat lain. Hal ini adalah kerana ia mempunyai 9 ekosistem / habitat semula jadi yang berdekatan dan saling berhubungkait antara satu sama lain.



FUNGSI EKOSISTEM TANAH BENCAH

- ✓ Mengurangkan kerosakan banjir
- ✓ Memulihara dan memelihara habitat flora dan fauna
- ✓ Mempunyai nilai estetika
- ✓ Menyokong aktiviti ekonomi
- ✓ Mengawal kualiti air
- ✓ Menyokong aktiviti pelancongan

9 HABITAT SEMULA JADI TANAH BENCAH SETIU



- Hutan Paya Bakau
- Hutan Nipah
- Hutan Gelam
- Hutan Rhu
- Rumput Laut
- Hutan Sekunder
- Makromfungi

JUMLAH KESELURUHAN SPESIES FLORA DI TBS:

197



- Burung
- Mamalia
- Herpetofauna
- Serangga
- Ikan
- Krustasia
- Molluska

JUMLAH KESELURUHAN SPESIES FAUNA DI TBS:

814



FAKTA TANAH BENCAH SETIU

Populasi Penduduk Kawasan RKK: **14,972 orang**
(Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010)

Perikanan dan Pertanian merupakan aktiviti ekonomi utama penduduk setempat selepas Pekerjaan Asas.

Tempat perlindungan terbesar populasi **Tuntung Laut** (Batagur borneosis)

Antara pantai pembiakan **Penyu Agar** (*Chelonia mydas*) di Semenanjung Malaysia

Terdapat pelbagai jenis biodiversiti di Tanah Bencah Setiu merangkumi 197 spesies Flora dan 814 spesies Fauna


Saiz Kawasan RKK:
47,376.89 hektar

Rangkaian Sekunder (SL-5) bagi CFS (RFN)

Ekosistem saling berhubung termasuklah lagun air payau, sungai, hutan riparian, hutan paya gambut, hutan gelam, hutan paya bakau dan rumput laut.

Disenaraikan di **Direktori Tanah Bencah Malaysia (1987)**

kerana: keluasan hutan gelam, lebihan hutan paya gambut, hutan paya bakau, bentuk laguna yang unik dan pantai bersarang untuk penyu marin




Mempunyai **7 sistem sungai**: Sg Setiu, Sg Chalok, Sg Merang, Sg Bari, Sg Guntung, Sg. Ular dan Sg. Dendong

Khidmat Ekosistem Tanah Bencah: mengawal banjir, melindungi sumber air dan mengekalkan sumber perikanan

06

PENEMUAN UTAMA



Terdapat **3 akses utama** ke kawasan Tanah Bengah Setiu iaitu di Kg. Kuala Setiu (Pengkalan Gelap), Kg. Gong Batu dan Kg. Mangkok.



Kedalaman pasir di dasar **Tasik Berombak** yang dipercayai sedalam 15-20 meter perlulah dipelihara bagi mengekalkan habitat spesies sedia ada dan membekalkan air tawar kepada kawasan RKK.



Terdapat **7 sungai** yang mengairi kawasan RKK iaitu Sg. Setiu, Sg. Chalok, Sg. Merang, Sg. Bari, Sg Guntung, Sg. Ular dan Sg. Dendong yang perlu dipelihara dari segi kualiti air, riparian dan hidrologinya.



Aset **pelancongan** berdasarkan eko dan alam semula jadi, warisan, makanan dan kraftangan berpotensi diketengahkan dalam meningkatkan promosi kawasan RKK.



Terdapat **12 pangkalan nelayan utama** iaitu Gong Batu, Pengkalan Gelap, Fikri, Nyatoh, Mangkok, Penarik, Bukit Chalok, Rhu Sepuloh, Bari Kecil, Bari Besar, Telaga Papan dan Merang di dalam kawasan RKK.



Selain daripada aktiviti perikanan, pertanian juga merupakan **ekonomi utama penduduk** di kawasan RKK. Terdapat dua kategori tanaman yang dijalankan iaitu tanaman industri serta tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran.

01

02

03

04

05

06



Setiu Boardwalk



Sg. Setiu



Kraftangan Berdasarkan Pokok




Pelancongan Makanan di Pantai Penarik



Penurunan keluasan hutan sebanyak 9,453.27 hektar (34.13%) dari tahun 1995 hingga 2018 kerana berlakunya **penerokaan kawasan hutan kepada aktiviti pertanian** terutama ladang kelapa sawit di kawasan sekitar Tasik Berombak dan Kg. Kuala Setiu.

07

Perbandingan Perubahan Guna Tanah (Hutan, Pertanian dan Badan Air)



Hakisan di Kg. Bari Kecil



Kemusnahan hutan gelam untuk penanaman kelapa sawit mengancam sumber ekonomi penduduk setempat yang mengusahakan madu kelulut dan kayu arang. Pokok gelam berpotensi dijadikan produk kecantikan dan ubat-ubatan.

08



Kawasan RKK berisiko tinggi terhadap kebakaran di bawah tanah kerana mempunyai kandungan tanah gambut. Risiko bencana lain yang membimbangkan adalah **hakisan pantai dan sungai serta banjir**. Hakisan pantai di sepanjang pesisir pantai Rhu Sepuluh ke Bari di tahap kritikal.

09



Kawasan RKK mempunyai kandungan mineral iaitu agregat batuan dan pasir silika yang tinggi. **Aktiviti perlombongan silika dan pengorekan pasir** berdekatan kawasan Tanah Bencah Setiu perlu dikawal ketat dan dipantau kerana berisiko merosakkan ekosistem serta menyebabkan pencemaran.

10



Pencemaran air di kawasan bakau



Aktiviti pengorekan yang sedang berjalan di Laguna Setiu

 Tanah Bengah Setiu yang menjadi sumber pendapatan penduduk Kg. Gong Batu, Kg. Pengkalan Gelap dan Kg. Mangkok semakin cetek kerana pemendapan yang serius dan pencemaran air sungai yang mengalir ke laguna, sekali gus mengganggu aktiviti nelayan dan ekosistem serta habitat biodiversiti flora dan fauna.

11



 Pada tahun 2017, seramai 964 nelayan direkodkan di dalam kawasan RKK, dengan 86.5% (834 nelayan) adalah berlesen, manakala 13.5% (130 nelayan) adalah nelayan tidak berlesen. Keperluan pemantauan bagi aktiviti perikanan / akuakultur harus dijalankan.

12



 Jumlah penduduk di kawasan RKK berbanding penduduk Daerah Setiu pada tahun 2015 menurun kepada 24.76% berbanding tahun 2010 iaitu 27.44%. Ini menunjukkan berlakunya migrasi keluar dari kawasan RKK ke bandar / negeri lain.

13



 49% penduduk kawasan RKK hanya tamat sekolah rendah (data Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Golongan ini menghadapi kesukaran untuk mencari pekerjaan.

14

 Ketiadaan badan khas yang bertindak sebagai penyelaras menyebabkan kelemahan koordinasi antara agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan dan pembangunan Tanah Bengah Setiu.

Majlis Pengurusan Taman Negeri yang baru ditubuhkan melalui pengwartaan Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017 akan bertindak sebagai penyelaras kerana mempunyai kuasa untuk mengawal dan mengurus Taman Negeri.

Dalam struktur organisasi jawatankuasa Tanah Bengah Setiu tiada penglibatan daripada komuniti setempat.

15




Komuniti tempatan



KONSEP PEMBANGUNAN

- Penyediaan konsep pembangunan bagi RKK Tanah Bencah Setiu ini adalah berasaskan kepada rangkaian kepentingan yang bergantung kepada satu sama lain melalui penemuan / isu utama yang dikenalpasti.
- Rangkaian ini melibatkan komponen seperti penduduk, ekonomi, flora dan fauna serta keberhasilan pembangunan produk mikro.
- Fokus diberikan kepada sinergi di antara pemeliharaan dan ekopelancongan dan konsep yang dicadangkan adalah:



KONSEP PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR



1

PFTU.N.I.U.K.

- - Sempadan RKK
(Daratan)
 - - Sempadan RKK
(Pantai : 3 batu nautika)
 - Jalan Utama
 - - Cadangan Rel ECR
 -  Pintu Masuk Utama
 -  Stesen Permaisuri


Spesies Fauna:

- | | |
|---|---------------------|
|  | Tasik Berombak |
|  | Ikan Udang Air Tawa |
|  | Enggang |
|  | Cicak Paya |
|  | Buaya |
|  | Biawak |
|  | Monyet |
|  | Burung Bangau |

- Gelam
 - Akasia Kuning
 - Nyatuh Laut
 - Kercut
 - Bakong
 - Sakat Hitam
 - Anggerik
 - Periuk Kera
 - Kemunting
 - Mas Cotek
 - Senduduk
 - Paku Pakis
 - Chorenge Atap
 - Chemar Hantu

Pendataran Penyu:

- Pulau Rhu
 - Tanjung Kanan
 - Kuala Baru Utara
 - Pulau Busung
 - *Penarik Inn Hatchery*
 - Mengambang Sekeping
 - Telaga Papan 1
 - Telaga Papan 2
 - Bukit Merang
 - Pengkalan Atap




Beberapa kawasan telah dikenal pasti dalam konsep pemeliharaan RKK ini terutama dalam kawasan zon penampang (*core zone*) yang berkepentingan dan sebarang pembangunan adalah tidak dibenarkan bagi menjaga spesies flora dan fauna dalam kawasan ini.

DRAF RKK PEMELIHARAAN DAN PENGURUSAN KAWASAN TANAH BENGAH SETIJI



KONSEP PEMBANGUNAN EKONOMI BERASASKAN EKOPELANCONGAN



Berfokuskan kepada keunikan Tanah Bencah Setiu serta keindahan semula jadi yang berpotensi untuk dijadikan daya tarik untuk meningkatkan kedatangan pelancong serta mempromosikan Tanah Bencah Setiu.

Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti dicadangkan untuk dibangunkan sebagai kawasan ekopelancongan serta beberapa kemudahan sokongan perlu disediakan bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung serta meningkatkan potensi peningkatan ekonomi dan secara tidak langsung mengembangkan pembangunan produk mikro serta kepentingan Tanah Bencah Setiu.



KAWASAN KEUTAMAAN KAWALAN PEMBANGUNAN DI MASA HADAPAN



PETUNJUK:

- - - Sempadan RKK (Daratan)
- - - Sempadan RKK (Pantai : 3 batu nautika)
- Jalan Utama
- - Cadangan Rel ECRL
- Kawasan Tanah Bengah Setiu
- Tasik Berombak
- Kawasan Silika
- Kawasan Petempatan
- Kawasan Pertanian
- Kawasan Hutan
- Permatang Pasir / Dataran Berlumpur
- Tanah Paya / Hutan Celam
- Kawasan Penyu Bertelur
- Kawasan Penyu Mendarat

TASIK BEROMBAK

Mempunyai pelbagai spesies flora dan fauna

Spesies Flora:

- Gelam
- Perui Kera
- Akasia Kuning
- Kemunting
- Nyatuh Laut
- Mas Coteck
- Kercut
- Senduduk
- Bakong
- Paku Pakis
- Sakat Hitam
- Choreng Atap
- Anggerik
- Chemar Hantu

Spesies Fauna:

- Ikan
- Cicak Paya
- Buaya
- Udang Air Tawar
- Mas Coteck
- Senduduk
- Enggang
- Biawak
- Burung Bangau
- Monyet

Kepentingan:


- Sumber air tawar.
- Mengawal tahap alkali antara air tawar dan air laut untuk kegunaan Tanah Bengah Setiu.
- Kedalaman air 2-3 meter dan kandungan pasir 10-15 meter.

TANAH PAYA / HUTAN GELAM

Mempunyai spesies pokok yang berpotensi untuk dijadikan produk dan dikomersialkan.


Spesies Flora:

- Hutan Gelam (*Melaleuca cajuputi*)
Boleh dijadikan ubat / minyak / bahan kosmetik / kayu arang / perusahaan madu kelulut.
- Kercut
Terdapat di tasik / kawasan berair. Penting untuk industri kraf tangan bagi menyumbang ekonomi masyarakat setempat.



CADANGAN PEMBAHAGIAN ZON

Bagi menyokong konsep pembangunan RKK serta memudahkan proses pemeliharaan, pengurusan, pemantauan dan pelaksanaan, kawasan RKK dicadangkan untuk dibahagikan kepada 3 zon :





KAWASAN TERLIBAT BAGI SETIAP ZON


ZON UTAMA
(Core Zone)



ZON PENAMPAKAN
(Buffer Zone)



ZON PERALIHAN
(Transition Zone)



KAWASAN TERLIBAT :

Kawasan Tanah Bencah Setiu, sebahagian daripada zon persisiran pantai (3 batu nautika), kawasan pewartaan Taman Negeri dan Tasik Berombak serta sepanjang 250m jarak dari Sg. Ular.

KAWASAN TERLIBAT :

Kawasan persisiran pantai sepanjang 3 batu nautika dari paras tikas air surut sepanjang 37.23 km dan melibatkan petempatan dan kawasan bersebelahan dengan Tanah Bencah Setiu dan Tasik Berombak sebagai kawasan penampakan kepada zon utama.

KAWASAN TERLIBAT :

Kawasan petempatan, hutan, pertanian, akuakultur, perlombongan sedia ada dan pelancongan bagi menyokong pembangunan di zon utama dan zon penampakan.



CADANGAN PROJEK & PROGRAM RKK

8 PROJEK KOMITED



15 PROJEK & PROGRAM FLAGSHIP RKK



Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar

13

9 PROJEK
4 PROGRAM

Pembangunan Komuniti

9

2 PROJEK
7 PROGRAM

Pembangunan Pelancongan

8

3 PROJEK
5 PROGRAM

Pembangunan Fizikal

7

7 PROJEK

21
PROJEK

16
PROGRAM

=

37
KESELURUHAN PROJEK & PROGRAM RKK

Setiap cadangan projek & program RKK ini disertakan dengan aspek-aspek perincian seperti berikut mengikut kesesuaian dan keperluan :

Komponen Projek / Program



Langkah Pelaksanaan



Sumber Peruntukan



Perincian Projek / Program



Justifikasi / Kepentingan Projek / Program



Agensi Pelaksana Utama / Sokongan



Status / Fasa Pelaksanaan



Garis Panduan



Hasil / Impak Projek / Program



Anggaran Kos



Indikator Pemantauan Pelaksanaan




Gambaran / Ilustrasi Cadangan





PELAN KESELURUHAN CADANGAN PROJEK & PROGRAM RKK



Pemuliharaan dan
Pemeliharaan
Alam Sekitar

9 PROJEK + 4 PROGRAM



Pembangunan
Komuniti

2 PROJEK + 7 PROGRAM



Pembangunan
Pelancongan

3 PROJEK + 5 PROGRAM



Pembangunan
Fizikal

7 PROJEK



SENARAI KESELURUHAN CADANGAN PROJEK & PROGRAM RKK



PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

13

9 PROJEK & 4 PROGRAM

PR-1	Projek Pemuliharaan dan Rehabilitasi Ekosistem Tanah Bencah Setiu
PR-2	Projek Penanaman di Sekitar Tasik Berombak dan Sg. Ular
PR-3	Projek Pemulihan Alur Sg. Ular dan Sg. Bintang
PR-4	Projek Kawalan Kebakaran Tanah Gambut dan Risiko Banjir
PR-5	Projek Pemulihan dan Kawalan Hakisan Persisiran Pantai dan Pemuliharaan Muara Sg. Setiu
PR-6	Projek Pemeliharaan Kawasan Penyu, Tuntung dan Kelip-kelip
PR-7	Projek Pemuliharaan dan Pemuliharaan Vegetasi Semula Jadi Tanah BRIS
PR-8	Projek Penanaman Pokok Nipah dan Kercut di Kg. Beris Tok Ku
PR-9	Projek Pengurusan Sisa Pepejal di Tanah Bencah Setiu
PG-1	Program Penyediaan Laman Web Rasmi Tanah Bencah Setiu
PG-2	Program Kawalan dan Pengawasan Kualiti Air Secara Menyeluruh dan Terperinci
PG-3	Program Kawalan dan Pengawasan Bersepadu di Kawasan RKK bagi Pengurusan Alam Sekitar
PG-4	Program Pendidikan Alam Sekitar Tanah Bencah Setiu



PEMBANGUNAN KOMUNITI

09

2 PROJEK & 7 PROGRAM

PR-10	Projek Menaiktaraf IKB Sedia Ada di Kg Saujana Sebagai Pusat Kemahiran Komuniti
PR-11	Projek Menaiktaraf Bengkel Kercut Sedia Ada di Kg. Beris Tok Ku
PG-5	Program Latihan dan Meningkatkan Kesedaran Kepentingan Ekologi dan Ekosistem Tanah Bencah Setiu
PG-6	Program Inap Desa (<i>Homestay</i>)
PG-7	Program Penubuhan Koperasi Pembangunan Tanah Bencah Setiu
PG-8	Program Pembangunan Ekonomi Komuniti Berasaskan Akuakultur
PG-9	Program Pembangunan dan Penyelidikan RND Tanah Bencah Setiu
PG-10	Program Latihan Pemasaran dan Promosi Tanah Bencah Setiu
PG-11	Program Pemerksaan Warisan Kraf Tangan Tempatan



PEMBANGUNAN PELANCONGAN

3 PROJEK & 5 PROGRAM

08

PR-12	Projek Pemanjangan Setiu Boardwalk Sedia Ada
PR-13	Projek Pembinaan Pondok Tinjau di Sekitar Tanah Bengah Setiu
PR-14	Projek Pembinaan 'Smart and Sustainable Eco-Resort' di Kg. Pengkalan Gelap
PG-12	Program Penyediaan Pakej Jejak Pelancongan
PG-13	Program Penyediaan Papan Sejarah Penceritaan (Jejak Interpretasi)
PG-14	Program Pemantauan dan Pengawasan Kapasiti Tampungan Pelancong bagi Tanah Bengah Setiu
PG-15	Program Latihan Renjer dan Pemandu Pelancong Tanah Bengah Setiu
PG-16	Program Promosi Festival Tanah Bengah Setiu




PEMBANGUNAN FIZIKAL

7 PROJEK

07

PR-15	Projek Pengukuhan Identiti Tanah Bengah Setiu
PR-16	Projek Menaiktaraf Aksesibiliti dan Infrastruktur Pengangkutan
PR-17	Projek Penyediaan dan Menaiktaraf Kemudahan Masyarakat
PR-18	Projek Menaiktaraf Infrastruktur Bekalan Air
PR-19	Projek Menaiktaraf Infrastruktur Bekalan Elektrik
PR-20	Projek Menaiktaraf Sistem Pembetungan
PR-21	Projek Menaiktaraf Komponen Telekomunikasi dan Penyediaan Wi-fi secara Menyeluruh

PROJEK & PROGRAM FLAGSHIP RKK



Nota : Cadangan Projek Konsep Pembangunan Fizikal merangkumi keseluruhan kawasan RKK
PR – Kod Cadangan Projek Pembangunan



CADANGAN PROJEK & PROGRAM FLAGSHIP RKK

PR-1

Projek Pemuliharaan dan Rehabilitasi Ekosistem Tanah Bencah Setiu

Penanaman semula pokok yang bersesuaian bagi mengembalikan biodiversiti dan habitat kepada hidupan flora dan fauna serta menjaga ekosistem TBS.



PR-2

Projek Penanaman di Sekitar Tasik Berombak & Sg. Ular

Memulihara dan memelihara kepentingan dan ekosistem kawasan TBS, Tasik Berombak dan Sg. Ular dari terus tercemar disebabkan oleh aktiviti perladangan kelapa sawit.



PR-5

Projek Pemulihan & Kawalan Hakisan Pesisiran Pantai & Muara Sg. Setiu

Pemulihan hakisan di sepanjang persisiran pantai dalam kawasan RKK serta di muara sungai.



PR-6

Projek Pemeliharaan Kawasan Penyu, Tuntung dan Kelip-kelip

Melindungi kawasan pendaratan penyu dan tuntung serta kawasan kelip-kelip di persisiran pantai dan sungai serta meluaskan potensi ekopelancongan dan penyelidikan.



PR-10

Projek Menaiktaraf IKB di Kg. Saujana Sebagai Pusat Kemahiran Komuniti TBS

Menawarkan latihan serta aktiviti bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta meningkatkan kesedaran komuniti dalam memelihara kawasan TBS.





CADANGAN PROJEK & PROGRAM FLAGSHIP RKK

PR-12

Projek Pemanjangan Setiu Boardwalk Sedia Ada

Memberi pendedahan kepada pengunjung tentang keunikan ekosistem dan biodiversiti di TBS serta meningkatkan potensi ekopelancongan.



PR-14

Projek Pembinaan ‘Smart and Sustainable Eco-Resort’ di Pengkalan Gelap

Menyediakan kemudahan kepada pengunjung dan pelancong untuk merasai suasana bermalam di kawasan TBS dengan aplikasi konsep tenaga bersih, pintar dan mampan.



PR-15

Projek Pengukuhan Identiti Tanah Bencah Setiu

Rekabentuk infrastruktur di TBS diselaraskan, memberi identiti kawasan TBS serta gambaran penuh keunikan dan keindahan kawasan TBS bagi meningkatkan aktiviti ekopelancongan.



PR-16

Projek Menaiktaraf Aksesibiliti dan Infrastruktur Pengangkutan

Meningkatkan tahap aksesibiliti ke kawasan TBS serta menyediakan infrastruktur pengangkutan yang fleksibel dan bersesuaian di kawasan RKK.



PG-1

Program Penyediaan Laman Web Rasmi Tanah Bencah Setiu

Menyediakan laman web rasmi TBS dan menyelaraskan kesemua data biodiversiti flora dan fauna di kawasan RKK terutama di TBS bagi memudahkan kawalan dan pemantauan pemuliharaan dan pemeliharaan.





CADANGAN PROJEK & PROGRAM FLAGSHIP RKK

PG-5

Program Latihan Kepentingan Ekologi & Ekosistem Tanah Bencah Setiu

Menyediakan program-program yang sesuai bagi menyokong Pusat Kemahiran Komuniti TBS serta meningkatkan penglibatan komuniti dalam pemeliharaan TBS.



PG-7

Program Penubuhan Koperasi Pembangunan Tanah Bencah Setiu

Menubuhkan koperasi khas yang menjaga kepentingan serta pembangunan di TBS, merangkumi pelbagai pihak terutama komuniti setempat.



PG-12

Program Penyediaan Alternatif Pakej Jejak Pelancongan dan Warisan

Menyediakan alternatif pakej pelancongan yang mengambil kira setiap aspek produk dan kawasan tumpuan pelancongan di kawasan RKK bagi mempromosikan serta meningkatkan kedatangan pelancong



PG-13

Program Penyediaan Papan Sejarah Penceritaan (Jejak Interperatif)

Memberi pendedahan kepada pengunjung tentang sejarah kawasan RKK berhubung dengan pembentukan TBS bagi mengembangkan penceritaan disokong pengetahuan tempatan (*local knowledge*)



PG-15

Program Latihan Renjer dan Pemandu Pelancong Tanah Bencah Setiu

Melatih renjer dan pemandu pelancong dengan program latihan yang komprehensif dan bersesuaian bagi menjaga serta mempromosikan TBS.





CADANGAN PENGURUSAN & PENTADBIRAN

01

PEWARTAAN KAWASAN TAMAN NEGERI SETIU WETLAND

Proses pewartaan keseluruhan kawasan Tanah Bencah Setiu sebagai taman negeri perlu dipercepatkan dan dijadikan salah satu projek *Quick and Win* yang perlu dilaksanakan sebelum tahun 2020.

02

PENGUKUHAN STRUKTUR PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

- Struktur pengurusan taman negeri yang menyeluruh
- Sistem penguatkuasaan yang bersepada melalui lantikan Pegawai Diberi Kuasa, Renjer Taman Negeri dan pemerkasaan komuniti setempat
- Pembangunan Pejabat Operasi Taman Negeri Setiu Wetland
- Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu sebagai key player





CADANGAN PENGURUSAN & PENTADBIRAN

03

MAJLIS DAERAH SETIU SEBAGAI CUSTODIAN DAN PEMANTAU PELAKSANAAN RKK

- Mewujudkan Jabatan Pelancongan dan Warisan bagi mengukuhkan struktur organisasi.
- Mengawal pembangunan agar tidak bercanggah dengan garis panduan ditetapkan.
- Memastikan permohonan Kebenaran Merancang mendapat sokongan kelulusan daripada MPTN

04

PEMANTAPAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Pemantapan pengurusan alam sekitar melalui garis panduan dan kapasiti daya tampungan (*carrying capacity*)

05

PENGLIBATAN KOMUNITI

Penglibatan komuniti setempat dalam proses perancangan dan pembangunan



Kursus dan Latihan Renjer Tanah Bengah Setiu



Aktiviti penanaman pokok bakau



Aktiviti berbot menyelusuri Tanah Bengah Setiu



- Kepentingan RKK dalam memelihara dan menguruskan kawasan Tanah Bencah Setiu supaya tidak menjejaskan ekosistem semula jadi dan biodiversiti kawasan RKK.
- Penglibatan komuniti secara langsung dalam pemeliharaan dan pengurusan Tanah Bencah Setiu perlu diperkemas dan dipertingkatkan supaya kawasan RKK dapat dipelihara dengan lebih baik.
- Cadangan pembangunan mengikut 4 konsep pembangunan (pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar, pembangunan komuniti, pelancongan dan fizikal) diharap dapat memudahkan pelaksanaan oleh pihak terlibat.
- Pelaksanaan 15 projek dan program *flagship* akan memacu pembangunan ekonomi, fizikal dan sosial kawasan RKK.
- Penyelarasian dalam pengurusan serta usaha pewartaan keseluruhan kawasan Tanah Bencah Setiu sebagai Taman Negeri perlu diberi perhatian sepenuhnya agar kawasan RKK dapat menjadi kawasan tumpuan utama aset alam sekitar terunggul di seluruh negara.



NOTA

NOTA



Laporan Draf RKK

RANCANGAN KAWASAN KHAS
PEMELIHARAAN DAN PENGURUSAN
Setiu Wetland
TERENGGANU

RINGKASAN EKSEKUTIF

PLANMalaysia@Terengganu

Perancangan Melangkuai Kelaziman
Planning Beyond Conventional

